

KURSUS PRA PERKAHWINAN ISLAM

1. Mana-mana pemohon yang hendak mengemukakan permohonan untuk mendapatkan kebenaran berkahwin hendaklah menghadiri dan memiliki Siji Kursus Pra Perkahwinan Islam (MBKPPI) yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat atau penganjur kursus yang berdaftar dan diberi kebenaran oleh Jabatan Agama Islam Negeri Johor termasuklah;
 - 1.1 mana-mana pemohon yang yang tidak menghadiri kursus dan hendak mendaftarkan pernikahan sama ada dilakukan dalam atau luar negeri tidak dikecualikan dari menghadiri kursus;
2. Pemohon tidak boleh dikecualikan dari menghadiri kursus melainkan dengan kebenaran Pendaftar Nikah, Cerai & Rujuk atas sebab-sebab yang munasabah mengikut budibicaranya antaranya seperti berikut :
 - 2.1 tidak pernah menghadiri kursus tetapi telah berumur melebihi 50 tahun jika lelaki dan 45 tahun jika perempuan atau;
 - 2.2 pernah menghadiri dan memiliki Sijil Kursus Pra Perkahwinan tetapi bercerai hidup dan hendak berkahwin semula dengan pasangan yang sama selepas iddah atau perceraian yang tidak beriddah (janda berhias) atau;
 - 2.3 mana-mana pemohon yang pernah menghadiri dan memiliki sijil tetapi telah kematian pasangan atau poligami.
3. Mana-mana pemohon yang telah kehilangan sijil kursus hendaklah mengemukakan surat pengesahan kehadiran kursus sebagai bukti dari syarikat atau penganjur kursus.
4. Sijil kursus tidak akan dikeluarkan untuk kali kedua kecuali kerosakan yang dilakukan oleh syarikat atau penganjur.
5. Tempoh sah sijil kursus selama mana belum digunakan kecuali atas pertimbangan Pendaftar Nikah, Cerai & Rujuk sebagaimana perkara 2.2